



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap** di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

## JAWATAN AKADEMIK

### 1. JAWATAN PENSYARAH UiTM: KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

BIL.	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
1.	Profesor	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,990.00	RM 22,040.00
2.	Profesor Madya	DS14	Pensyarah UiTM	RM 6,560.00	RM 15,360.00
3.	Pensyarah	DS13	Pensyarah UiTM	RM 6,210.00	RM 14,370.00
4.	Pensyarah	DS11	Pensyarah UiTM	RM 3,320.00	RM 12,760.00

Nota:

1. Sila rujuk senarai Fakulti dan Bidang yang ditawarkan bagi jawatan Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor.
2. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
3. Sila rujuk **CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN** seperti di lampiran.

### FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN BAGI JAWATAN PENSYARAH / PENSYARAH KANAN / PROFESOR MADYA / PROFESOR

FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN	
FAKULTI	BIDANG PENGAJARAN
Akademi Pengajian Islam Kontemporari	Muamalat, Ekonomi dan Kewangan Islam
Fakulti Perakaunan	<i>Financial Accounting and Reporting</i>
Kolej Pengajian Pengkomputeraan, Informatik dan Matematik	Matematik ( <i>Pengajian Sains Matematik</i> )
	Sains Komputer
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan	Pengurusan Sistem Pejabat
	Pengurusan
	Kewangan
Akademi Pengajian Bahasa	Bahasa Ketiga (Mandarin)

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

## B. JAWATAN PENTADBIRAN

BIL.	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>					
1.	Penolong Pendaftar (Bidang : Hal Ehwal Islam)	N41/N9	Pegawai Tadbir	RM 2,250.00	RM 11,110.00
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
2.	Penolong Pegawai Perubatan	U29/U5	Penolong Pegawai Perubatan	*RM 1,650.00	RM 6,620.00
3.	Pembantu Kemahiran	H19/H1	Pembantu Kemahiran	RM 1,500.00	RM 4,680.00
4.	Pembantu Keselamatan	KP11/ KP1	Pembantu Keselamatan	RM 1,500.00	RM 4,680.00

Nota : Sila rujuk **CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN** seperti di lampiran.

*\*Rujuk syarat lantikan skim perkhidmatan*

### JAWATAN AKADEMIK PENSYARAH UiTM

- Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - warganegara Malaysia;
  - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

#### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS11

- Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320.00); atau
- Ijazah Kedoktor dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,650.00).

#### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS13

- mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan
- membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS13: RM6,210.00)

#### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS14 (PROFESOR MADYA)

- mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c); dan
- membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS14: RM6,560.00)

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);  
dan
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang – bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00)

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### KEPERLUAN TAMBAHAN / KEUTAMAAN

- 3. a) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
- b) Calon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. [Pengecualian diberikan kepada pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setara]
- c) Bagi bidang Pembuatan, Rekabentuk dan Inovasi, Kolej Pengajian Kejuruteraan, keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Jurutera Profesional (Ir.) yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).
- d) Keutamaan diberikan kepada calon yang:
  - (i) Berkebolehan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran;
  - (ii) Berpengetahuan luas dalam bidang penyelidikan dan inovasi;
  - (iii) Berkebolehan untuk menulis artikel, jurnal, bahan penerbitan dan sebagainya;
  - (iv) Berkemahiran dalam pelbagai perisian komputer berkaitan dengan penyelidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan lain-lain yang berkaitan; dan
  - (v) Berkomunikasi secara lisan dan bertulis dengan baik, berkebolehan memberikan pendapat secara profesional dan memberi nasihat serta mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

### RINGKASAN TUGAS

- 4. Bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan profesional meliputi aspek seperti pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan akademik, pengurusan dasar, penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, perundingan dan khidmat nasihat, jaringan dan kolaborasi.

### JAWATAN PENTADBIRAN

#### 1. PENOLONG PENDAFTAR (BIDANG HAL EHWAL ISLAM) – N9

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah Gred N9: RM2,250.00); atau

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

- (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah Gred N9: RM2,470.00).

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **2. \*PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN – U5**

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Diploma Pembantu Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Lembaga Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM 1,974.00)

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **3. PEMBANTU KEMAHIRAN – H1**

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (d) Warganegara Malaysia
- (e) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (f) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM 1,500.00) atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM 1,561.00) atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM 1,561.00) atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM 1,622.00) atau
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM 1,622.00).

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

## SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 4. PEMBANTU KESELAMATAN – KP1

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c)
    - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,500.00); atau
    - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,500.00); atau
    - (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,500.00); atau
    - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,561.00); atau
    - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,622.00).
- dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu ;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - (v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

*Pemohon hanya boleh memohon SATU (1) jawatan yang diiklankan SAHAJA.*

## SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv), 1(c)(v) dan 1(c)(v), hendaklah memiliki Kepujian (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
  - Kad Pengenalan
  - Sijil Kelahiran Calon, Ibu & Bapa
  - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik (Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Ph.D dan Transkrip Akademik Terperinci)
  - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
  - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Prestasi Tahunan
2. Borang / dokumen yang **tidak lengkap, tidak jelas dan kabur** tidak akan diproses.
3. Hanya pemohon – pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
4. Pemohon – pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **ENAM (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

## PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari **laman sesawang UiTM Cawangan Melaka** di <https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/discover-us/campuses>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 Disember 2024 (Isnin)**.

Sila kemukakan **BORANG PERMOHONAN ASAL** (melalui pos) kepada :



اَبُو سَيِّدِي تَنَكَبُو لَوِيحِي مَآبَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN**  
**PEJABAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN**  
**MELAKA**  
**KM 26 JALAN LENDU**  
**78000 ALOR GAJAH**  
**MELAKA**

**NO.TEL : 06-5582438 /06-5582321 / 06-5582014**

*Pemohon hanya boleh memohon **SATU (1)** jawatan yang diiklankan **SAHAJA**.*